

SEKATAN TAK WAJAR-PM AMARAN KELANTAN -MB

(P)

3 JUL 1992

KUALA LUMPUR
7 Julai — Sengketa Projek Hidro Elektrik Pergau di Kelantan memuncak kembali ekoran tindakan kerajaan negeri yang berkeras tidak akan membuka sekatan jalan menuju ke tapak binaan projek itu selagi Kerajaan Pusat enggan membayar pampasan \$90 juta sebagaimana yang dituntut.

Menteri Besar, Nik Aziz Nik Mat berkata, langkah yang mereka ambil itu sebenarnya adalah amaran Kerajaan Kelantan kepada Kerajaan Pusat supaya perjanjian rasmi mengenai projek tersebut ditan-datangani segera.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang diminta mengulas perkembangan terbaru itu hari ini menegaskan, perbuatan tersebut adalah satu tindakan yang tidak wajar sama sekali.

Isu Empangan Pergau menjadi hangat kembali apabila kerajaan negeri mengarahkan Pejabat Tanah dan Galian me-

nyekat dua daripada empat jalan masuk ke kawasan projek hidro elektrik itu dengan menempatkan pegawai-pegawai penguatkuasanya di pintu masuk ke tapak projek berkenaan Sabtu lalu dan kelmarin.

Inilah kali kedua kerja-kerja di projek binaan hidro itu tergendala. Pada Februari tahun lalu, kerajaan negeri bertindak menahan beberapa buah jentera yang disimpan di kawasan itu yang kononnya tidak diluluskan.

Isu baru

Sengketa itu telah berlarutan sehingga timbul isu baru di mana Kerajaan Kelantan mendesak Pusat membayar pampasan berjumlah \$90 juta jika mereka mahu meneruskan pembinaan projek hidro tersebut.

Perdana Menteri ketika ditemui oleh para pemberita selepas majlis pelancaran Memorial Tunku Abdul Rahman Putra hari ini menyatakan rasa kesal dengan tindakan Kerajaan Negeri Kelantan.

Dr. Mahathir bertanya, bagaimana pula jika Kerajaan Pusat bertindak balas dengan menyekat jalan masuk ke Kelantan, sudah tentulah ada pihak yang marah.

"Begitulah juga dengan soal Pergau ini, saya merasa du-

LIHAT MUKA 2

SEKATAN TAK WAJAR - PM; AMARAN KELANTAN - MB

7 JUL 8 JUL 1992
 kacita tindakan seperti ini diambil oleh kerajaan negeri itu kerana ini bukanlah caranya untuk mengatasi masalah rakyat," ujar beliau.

Diminta mengulas lebih lanjut, Dr. Mahathir menambah, kerajaan negeri bertindak demikian kerana mereka mahu mendesak Kerajaan Pusat membayar pendahuluan daripada pampasan sebanyak \$90 juta yang dituntut.

Beliau berkata, soalnya ialah bagaimanakah wang pendahuluan itu hendak diberi sedang-

kan kajian mengenai tuntutan pampasan khas bernilai \$90 juta pun masih belum diputuskan oleh Kerajaan Pusat.

Soal pampasan itu, katanya, perlulah ada asas yang kukuh untuk dituntut oleh Kelantan kerana jika tuntutan itu dipenuhi bagaimanakah Kerajaan Pusat hendak memenuhi permintaan lain-lain negeri pula.

"Kita sanggup bayar pampasan itu, tetapi ia mestilah ada asas dan memenuhi peraturan-peraturan, lagipun buat masa ini kita masih meng-

kaji tuntutan itu, bukan menolaknya seratus peratus.

Beliau menjelaskan, Kerajaan Kelantan haruslah faham bahawa Projek Pergau adalah untuk rakyat Kelantan sendiri, oleh itu mereka tidak wajar melakukan sesuatu yang boleh menjejaskannya.

Di Kota Bharu, Nik Aziz berkata, kerajaan negeri tetap bertegas tidak akan membuka semula jalan masuk ke kawasan projek berkenaan selagi perjanjian rasmi berkaitan dengannya tidak ditandatangani.

Katanya, sekatan itu akan diteruskan sehingga masalah perjanjian antara pihak atasan kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat selesai.

Beliau berkata, kerajaan negeri terpaksa bertindak demikian kerana masalah ini sudah berlarutan dan sehingga sekarang masih belum ada sebarang perjanjian secara rasmi ditandatangani antara kedua-dua belah pihak sedangkan segala peraturan sama ada dari segi undang-undang, peraturan-peraturan tertentu sudah pun selesai.

"Bukan itu sahaja, beberapa syarat yang diminta supaya dipinda oleh pihak Pusat sudah pun kami patuhi," ujarnya kepada para pemberita selepas meraikan pemain-pemain Semi Pro Kelantan di kediaman rasminya, JKR 10 di sini hari ini.

Nik Aziz berkata, masalah tuntutan \$90 juta oleh kerajaan negeri berhubung dengan projek itu juga telah dipersetujui bersama.

"Perkara-perkara berkaitan di peringkat bawahan semuanya telah selesai, cuma menunggu penyelesaian peringkat atasan sahaja yang nampaknya seolah-olah sengaja dilengah-lengahkan," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Kerajaan Kelantan menutup dua jalan utama ke tapak Projek Pergau yang menelan belanja \$1.3 bilion sejak tiga hari lalu menyebabkan terbantut kerja-kerja pembinaan terowong di situ.

Unit Penguatkuasa Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) negeri membina dua palang kayu di jalan-jalan tersebut bagi menghalang kenderaan berat kontraktor induk projek itu, Kerjaya Belfour Beatty Cementation (KBBC) daripada memasuki kawasan pembinaan.

Pada palang itu diletakkan papan tanda **Dilarang Masuk** dan dicatatkan perkataan **Dengan Perintah PBN** (Pihak Berkuasa Negeri).